


## WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 6 1981*

## *K A N D U N G A N :*

Kata-kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan .....	ms. 2
Kata-kata Aluan Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 3
Rencana Pengarang .....	ms. 4
Gambar AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 5
Senarai AJK, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS .....	ms. 7
Senarai AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS .....	ms. 8
Sidang Pengarang 1981-82 .....	ms. 8
Sejarah Makam Tok Ambik — — Norida Borhan — .....	ms. 9
Tokoh Ulamak Batu Kikir: — Mustafa Hj Dolah — .....	ms. 13
Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan — Ibrahim Mustapa — .....	ms. 21
Ciri-ciri Menarik dari Perbilangan Adat Perpatih — Hjh. Aishah Sharif — .....	ms. 31
Kegiatan Perlombongan Bijih Timah di Jelebu Tahun-tahun 1890an: Satu Tinjauan — — Othman Hj. A. Bakar — .....	ms. 35
Sejarah Peperangan Linggi Kecil: — Tan Sri Dr. Mohamed Said — — Alih bahasa: Mohd. Misan Mastor — .....	ms. 40
Perkembangan Pengajian Islam di Negeri Sembilan: — Sabariah Shukur — .....	ms. 45
Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan: Satu Tinjauan: — Yaakob Idrus — .....	ms. 50
<b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN:</b>	
Laporan AJK Kecil Penyelidikan, Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan: — HMNL — .....	ms. 57
Kota Simpang: — Abd. Aziz Salleh — .....	ms. 59
Sejarah Masjid Kuala Dulang: — Ismail Abdullah — — Disusun semula: Mohd. Isa Jadi — .....	ms. 63

Talipon: Seremban 72421 & 72311.  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.



فُجَابَةً مُنْتَرِي بَسَرِ  
نَكْرِي سَمْبِيلَانْ.

No. Fail MBNS. 1.09

MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN.

## KATA-KATA ALUAN

—————: ★ :—————

Tahniah saya ucapan kepada Jawatankuasa Kecil Penerbitan Per-satuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan ini di atas penerbitan semula majalah WARISAN.

Dari apa yang saya difahamkan WARISAN telah berjaya memaparkan kepada umum unsur-unsur sejarah dan perjuangan bangsa masa silam untuk dijadikan tauladan dan pelajaran.

Saya berharap keluaran-keluaran masa depan WARISAN akan lebih berupaya lagi memberi gambaran yang jernih terhadap sejarah negeri dan negara kita.

Sehubung dengan itu saya ingin mengambil peluang ini menyeru orang ramai memberi kerjasama terhadap penerbitan WARISAN dengan menyumbangkan rencana-rencana dan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan sejarah Negeri Sembilan Darul Khusus ini.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya kepada Jawatankuasa Penerbitan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Fuzairi" or a similar name.

DATO' RAIS YATIM  
*Menteri Besar,*  
Negeri Sembilan.

SEREMBAN:  
8hb. Februari, 1982.



Persekutuan Negeri Sembilan

# PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY

CAWANGAN NEGERI SEMBILAN.

d/a Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan, Seremban.

## SERPIHAN RASA

— : 0 : —

Sesungguhnya dengan terbitnya Majalah WARISAN kali ini maka terlaksanalah sudah salah satu program yang telah dirancang oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Yang demikian usaha-usaha kearah mendedahkan kesan-kesan sejarah di negeri ini akan bertambah rancak dan berkembang menerusi makalah-makalah yang dimuatkan di dalamnya.

Adalah menjadi harapan Persatuan ini untuk memperbanyakkan lagi bidang penyelidikan dimana hasil penyelidikan itu akan dimuatkan ke dalam majalah ini pada keluaran-keluarannya akan datang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yayasan Negeri Sembilan yang telah memberi bantuan kewangan untuk menjayakan penerbitan Majalah Warisan Kali ini.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa kecil Penerbitan dan kepada semua yang menjayakan penerbitan majalah Warisan ini.

Sekian.

(Y.B. MOHD.ISA DATO'HJ.AD.SAMAD PMC)

Pengerusi  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan.

Bertarikh: 17hb. Feb. 1982.

## RENCANA PENGARANG


————— : ★ : —————

Buat sekian kalinya ‘Warisan’ telah lahir dalam usahanya untuk menambahkan satu lagi dokumen sejarah ke dalam koleksi sejarah tanahair kita. Selaras dengan cita-cita kerajaan bagi menyusun semula konsep sejarah nasional, maka Warisan telah cuba untuk mencungkil kembali khazanah tempatan ini, supaya sentritisma penulisan sejarah negara kita akan dapat menggambarkan corak pen-sejarahan Malaysia yang sebenarnya. Keadaan ini difikirkan wajar memandangkan kegiatan para Orientalis yang cuba untuk memutarbelitkan hakikat dan fakta sejarah tanahair untuk kepentingan dan dasar-dasar penjajahan mereka. Oleh itu dalam usaha kita untuk mengembalikan imej sejarah kita, penerbitan majalah seperti Warisan adalah paling wajar, sesuai dengan cita-cita dan semangat pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) di masa ini.

Sememangnya sukar dan banyak sekali duri-onaknya dalam usaha kita untuk memenuhi cita-cita di atas. Walau bagaimana pun AJK Kecil Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan N. S., telah cuba dan berusaha untuk menuhi sebahagian kecil daripada cita-cita tersebut. Antaranya ialah menganjurkan Peraduan Mengarang Sejarah Tempatan di kalangan murid-murid sekolah dan Persatuan-persatuan Belia, bertujuan bagi mencungkil Pengkaji Sejarah bakat baru, disamping untuk menarik minat murid-murid supaya mencintai sejarah tempatan mereka.

Selain dari itu, pihak kami juga telah menghubungi tokoh-tokoh sejarah tempatan, guru-guru sejarah, dan orang perseorangan yang berminal, untuk mendapatkan sumbangan yang berupa makalah-makalah, bahan-bahan penulisan sejarah, dan bahan-bahan sejarah lainnya yang masih banyak belum diterbitkan lagi. Walau pun sambutannya agak kurang memuaskan, namun sebanyak sedikit telah juga berjaya mendapatkan beberapa bahan dan makalah untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Di sini kami ingin menucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Warisan kali ini. Pertama kali kepada semua AJK Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Yayasan Negeri Sembilan atas sumbangan kewangannya, penulis dan penyumbang makalah, semua AJK Kecil dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini. Kita semua berharap semoga mereka semua akan terus memberikan sumbangan, sokongan serta kerjasama dalam pembentukan identiti Sejarah Negara kita (menerusi Warisan), di masa-masa yang akan datang.



Duduk dari kiri ke kanan :

Encik Ismail bin Hadi (Setiausaha Kehormat), Tuan Haji Mohamed Nor bin Long (Pengerusi Penyelidikan), Y. B. Encik Mohd. Isa bin Samad (Yang Di Pertua), Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (Naib Yang Di Pertua), Encik Hashim bin Jasa (Pengerusi Penerbitan), Encik Tan Ghee Peng (Bendahari).

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Yang Di Pertua* : Y.B. Encik Mohd. Isa bin Hj. Abd. Samad, PMC.
2. *Naib Yang Di Pertua* : Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran N. Sembilan (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
3. *Setiausaha Kehormat* : Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.
4. *Pen. Setiausaha Kehormat* : Encik Abd. Aziz bin Salleh
5. *Bendahari* : Encik Tan Ghee Peng, AMN.
6. *Jawatankuasa* : Encik Nordin bin Bakri  
Encik Hashim bin Jasa, AMN.  
Tuan Sy. Jaafar bin Sy. Ab. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh
7. *Pengerusi Daerah* : Tuan Hj. Hisham bin Omar (Tampin)  
Encik Mohd. Zahidin bin Sidek (Kuala Pilah)  
Encik Abdullah bin Hj. Ludin (Rembau)  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor (Seremban)  
Encik Mazlan bin Abdullah (Jelebu)  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson)  
Encik Idris bin Hussein (Jempol)
8. *Pemeriksa Kira-Kira* : Encik Abu Bakar bin Yahya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1980 – 1982.**

————— : ★ : —————

1. *Pengerusi* : Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.
2. *Jawatankuasa* : Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman  
Dato Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari  
Encik Abd. Aziz bin Salleh  
Encik Ibrahim bin Mustafa  
Puan Kamariah bt. Hj. Sabeh  
Puan Norini bt. Ali, PJK.  
Puan Echam bt. Hj. Hassan

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1981 – 1982.**

————— : ★ : —————

<i>Pengerusi</i>	:	En. Hashim bin Jasa, AMN.
<i>Setiausaha</i>	:	En. Ramthan bin Hj. Maarof
<i>Pen. Setiausaha</i>	:	En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Ahli Jawatankuasa</i>	:	Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Fakeh Hassan, PPN, PJK. En. Abd Hamid bin Idris En. Mustafa bin Hj. Sharif En. Mohd. Hisa bin Tahat En. Tan Ghee Peng, AMN. En. Ahmad bin Sihat En. Mazlan bin Abdullah En. Ibrahim bin Mustafa Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK. Puan Aishah bte Md. Sharif Puan Sharifah Kintan bte Syed Ali

**SIDANG PENGARANG 1981 – 82.**

————— : ★ : —————

<i>Pengarang</i>	:	En. Mazlan bin Abdullah (Ketua) En. Ibrahim bin Mustafa En. Mohd. Misan bin Mastor
<i>Rekabentuk</i>	:	En. Abd. Hamid bin Idris
<i>Kewangan &amp; Pemasaran</i>	:	En. Tan Ghee Peng, AMN. Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.

**KEGIATAN PERLOMBONGAN BIJIH TIMAH DI JELEBU  
TAHUN-TAHUN 1890an — SATU TINJAUAN.  
(OLEH OTHMAN H.J. A. BAKAR)**

---



Pertengahan abad ke 19, perdagangan bijih timah di Melaka pada keseluruhannya telah datang dari Sungai Ujung, Lukut dan daerah-daerah pendalaman yang lain dalam Negeri Sembilan. Perkembangan perdagangan ini telah menyebabkan pertelaghan antara pembesar-pembesar Melayu di wilayah Sungai Ujung yang akhirnya telah memberikan peluang campurtangan dan bertapaknya British di Sungai Ujung pada 1874. Dari Sungai Ujung British telah mengalihkan pandangannya ke Jelebu pula kerana British sangat berminat dengan perlombongan bijih timah di daerah tersebut. Minat British terhasil bila Yamtuan Abdullah, Yamtuan Jelebu pada masa itu, membuat perjanjian dengan Gabenor Negeri-negeri Selat pada 26hb. April 1877. Perjanjian itu membenarkan syarikat-syarikat dan orang-orang asing membuka lombong di Jelebu. Dengan itu perlombongan bijih timah di Jelebu pun mulalah dibuka kepada saudagar-saudagar asing. Sehingga tahun-tahun 1880an perlombongan bijih di Jelebu dikerjakan hanya setakat 6 kaki sahaja dari aras muka bumi, sedangkan di tempat-tempat lain lombong-lombong bijih timah telah digali sehingga 25 kaki dalamnya. Melihatkan mudahnya mendapatkan bijih timah di Jelebu, Kerajaan British dan beberapa syarikat perlombongan telah berpendapat bahawa Jelebu pasti mempunyai timbunan bijih timah yang banyak. Oleh itu sebaik sahaja British menduduki Jelebu beberapa permohonan untuk melombong telah diterima. Di antaranya terdapat dua pemohon tanah perlombongan yang sangat luas iaitu G. Thompson, dari Cannought Mansion, West Minster, London, telah meminta seluas 2,000 ekar dan E. Everett, yang mewakili Syarikat Borneo di Singapura telah juga memohon seluas 1,000 ekar.<sup>1</sup> Oleh kerana banyak permohonan yang diterima dan ada di antara pemohon-pemohon berkehendakkan tanah perlombongan yang sangat luas, Kerajaan Sungai Ujung terpaksa membuat beberapa syarat untuk mengatasi masalah ini. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

- a) Segala permohonan tanah hendaklah kecil dan jelas bagi kedudukan tanah yang diminta.
- b) Bagi tiap-tiap permohonan akan dibenarkan mendapat lesen cari-gali dalam masa 6 bulan.
- c) Permohonan boleh dibuat untuk mendapatkan seberapa banyak kawasan tanpa had, dengan syarat tiap-tiap kawasan yang diminta luasnya tidak melebihi 250 ekar.
- d) Tanah perlombongan ini akan dikenakan bayaran \$1.00 (premium) bagi tiap-tiap seekar.
- e) Tiap-tiap seekar kawasan, dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya dua orang buruh.<sup>2</sup>

Hanya berdasarkan syarat-syarat ini sahaja sesuatu permohonan itu akan dapat ditimbangkan.

---

1. Resdt. Sg. Ujung. C.S. 176/90

2. Surat Resdt. Sg. Ujung kepada E. Everett. Singapura, bagi menjawab permohonan, bertarikh 7hb. Februari 1890.

Apa yang menarik dalam kegiatan melombong ini ialah melihatkan ramai-nya pelombong-pelombong yang berlumba-lumba datang ke Jelebu. Sebagaimana yang berlaku di tempat-tempat lain, di Jelebu juga mereka berebut-rebut untuk mendapatkan kawasan yang lebih luas dan yang banyak mengandungi bijih. Pada tahun 1889, di antara beberapa buah syarikat perlombongan Eropah yang telah datang ke Jelebu, ialah syarikat-syarikat yang ternama seperti 'European Mining Company', 'Jelebu Mining and Trading Company' dan 'Jelebu Mining Company'.<sup>3</sup> Selain dari tiga syarikat ini, terdapat juga lebih kurang 28 kumpulan pelombong-pelombong Cina yang bebas. Mereka berlumba-lumba mencari gali bagi mendapatkan kawasan masing-masing. 'Jelebu Mining and Trading Company' dan 'Jelebu Mining Company' merupakan dua syarikat yang lebih kaya dan berpengaruh di Jelebu. Dengan itu mereka banyak mendapat kemudahan dari pemerintah.<sup>4</sup> Hingga tahun 1893, kedua-dua syarikat ini hampir-hampir menguasai bidang perlombongan di daerah ini. 'Jelebu Mining and Trading Company' sahaja telah mendapat sebanyak 54 kawasan perlombongan yang berjumlah 2,860 ekar sementara 'Jelebu Mining Company' pula mendapat 51 kawasan yang luas, 2,002 ekar semuanya. 31 dari 54 kawasan yang diperuntukkan bagi 'Jelebu Mining and Trading Company' telah diluluskan untuk dilombong, sementara 'Jelebu Mining Company' pula kesemua peruntukannya sebanyak 51 kawasan itu telah pun diluluskan.<sup>5</sup>

Dengan memperolehi peruntukan tanah lombong yang banyak dan luas, kedua-dua syarikat ini mempunyai kawasan yang bertaburan di seluruh daerah Jelebu sehingga telah menerbitkan kesusahan serta menghalang peserta-peserta yang lain untuk mendapatkan kawasan perlombongan, terutama saudagar-saudagar Cina yang telahpun menceburkan diri dalam kegiatan ini.

Selain dari kegiatan melombong, kedua-dua syarikat ini juga menjalankan sistem monopoli bagi mendapatkan seluruh hasil perlombongan di Jelebu. Mereka menyumbangkan pinjaman wang kepada kumpulan-kumpulan pelombong Cina, untuk modal, untuk mendirikan rumah-rumah kongsi dan untuk membeli berbagai-bagi alat perlombongan. Bagi syarikat Jelebu Mining and Trading, bukan sahaja meminjamkan wang malah menjadi pembekal barang-barang keperluan dan alat-alat perlombongan.

Untuk mendapatkan semula wang yang telah dipinjamkan ini mereka telah membuat perjanjian-perjanjian yang mengikat pelombong-pelombong Cina itu supaya menujualkan bijih timah yang mereka perolehi kepada syarikat-syarikat ini. Syarikat-syarikat ini akan mengambil semula wang yang dipinjamkan itu mengikut yang telah dijanjikan pada waktu penjualan.<sup>6</sup>

- 
3. European Mining Company telah ditutup pada akhir 1893. Dua Syarikat Eropah yang tinggal itu merupakan syarikat-syarikat yang berpengaruh hingga awal kurun ke 20.
  4. AR --- on State of Sungai Ujung and Jelebu, 1893 para 57 iaitu selain dari syarikat ini diberi kemudahan untuk mendapatkan kawasan, syarikat ini juga diberikan kemudahan cukai yang dikenakan kurang \$1.00 dari syarikat-syarikat lain.
  5. Jumlah semua tanah lombong yang telah diluluskan hingga akhir 1893 ialah 150 kawasan seluas 4,176 ekar. *Ibid.*
  6. Jelebu Mining and Trading Company telah memotong \$18.00 dari tiap-tiap sebahara yang dijualkan. Bayaran ini termasuk keuntungan modal, faedah dan cukai serta lain-lain lagi. Bagi Jelebu Mining Company pula hanya menolak 10% sebagai keuntungan dan modal yang telah dipinjamkan.

AR --- on states of Sungai Ujung and Jelebu, 1893.

Tidak dapat dinafikan bahawa kegiatan perlombongan yang telah dilakukan oleh kedua-dua syarikat ini telah menjadikan sektor perlombongan di Jelebu merupakan bidang ekonomi yang sangat menguntungkan. Pada tahun 1893 itu juga kutipan \$1.00 yang telah dikenakan bagi tiap-tiap seekar tanah perlombongan telah meningkat hingga \$1,123.00 dan ekspot bijih timah pula telah mencapai 35,036 pikul sebulan.<sup>7</sup> Mengikut laporan Pemungut Hasil Jelebu, cukai bijih timah telah mempunyai perkembangan seperti berikut:

Tahun	Jelebu	Sg. Ujung	Daerah Pantai
1889	\$ 6,845	\$49,586	—
1890	\$18,160	\$48,771	—
1891	\$24,766	\$49,445	—
1892	\$77.184	\$53,647	\$248
1893	\$97,642	\$69,606	\$447

(Perbandingan cukai bijih timah yang telah dikutip di Sg. Ujung, Jelebu dan Daerah Pantai, 1893. Daerah Pantai terdapat 40 buah lombong yang dikerjakan di Lukut dan Jimah).<sup>8</sup>

Dari laporan ini juga dapat disaksikan bahawa perkembangan cukai bijih timah di Jelebu telah meningkat lebih 14 kali ganda dalam masa 5 tahun. Dibandingkan pengeluaran dua tahun yang terakhir, Jelebu telah dapat menambah \$20,278, sementara Sungai Ujung pula telah menambah \$15,959. Perkembangan ekonomi yang pesat ini telah menyakinkan British bahawa Jelebu mempunyai potensi untuk maju.

Sesungguhnya kemajuan perlombongan yang telah dapat dicapai pada 1893 itu, telah dikatakan kemuncak bagi pengeluaran bijih timah di daerah ini. Pada tahun berikutnya, berita telah tersibar di kalangan pelombong-pelombong mengatakan bahawa Jelebu telah kehabisan tanah untuk dilombong.<sup>9</sup> Dalam pada itu beberapa percubaan untuk mencari-gali masih dilakukan di kawasan-kawasan Lembah Gelami, Ulu Teriang, Gapau, Sungai Rin dan Lembah Pertang. Di Lembah Gelami 'Jelebu Mining and Trading Company' telah menjumpai bijih timah, tetapi hingga akhir tahun 1893 mereka tidak memberikan laporan mengenai usaha

7. *Ibid.*

8. *Ibid.*

9. Menurut laporan pelombong-pelombong beberapa buah lombong yang penting di Titi telah kehabisan bijih timah. Pekan yang baru muncul kerana hasil bijih yang banyak itu mulai suram, tetapi hasil sebenarnya masih menggalakkan, sebagaimana yang didapati dalam daftar keluaran dan kutipan cukai 1894 dan 1895 yang dikemukakan.

'mencari-gali' yang telah mereka lakukan. Menurut Pemungut Hasil di Jelebu, syarikat ini telah cuba mendapatkan monopolii perlombongan di kawasan ini yang seluas 2,000 ekar. Bagi pihak 'Jelebu Mining Company' pula telah menjalankan 'cari-gali' di Lembah Pertang, tetapi sehingga 1895 syarikat ini belum melaporkan keputusan-keputusan cari-gali yang telah banyak dilakukan. Kegiatan menguasai kawasan perlombongan oleh kedua-dua syarikat tersebut tidak berhenti setakat itu sahaja, malah di akhir-akhir 1890an, satu laporan yang bercetak telah dikeluarkan oleh 'Jelebu Mining and Trading Company' dengan mengatakan bahawa 'Jelebu telah kehabisan tanah untuk dilombong'. Ini adalah merupakan satu lagi langkah untuk mencegah penglibatan dari pengusaha-usaha yang lain. Berita ini telah dinafikan oleh pihak pentadbir. Pada bulan April 1897, Pemungut Hasil Jelebu telah mendedahkan rahsia kedua-dua syarikat itu dengan melaporkan bahawa pada tahun itu 1,520 ekar tanah lombong Jelebu masih di tangan syarikat tersebut. 200 ekar dari jumlah itu ialah di kawasan lombong Sungai Rin, yang baharu sahaja diluluskan. Mengikut laporan bulanan pula syarikat ini juga masih mempunyai pekerja seramai 550 orang di kawasan tersebut, sementara itu 740 ekar dari jumlah tanah yang diberikan itu masih belum dikerjakan lagi. Oleh itu alasan yang mengatakan kehabisan tanah lombong yang dilaporkan oleh syarikat itu merupakan berita yang tidak dapat diterima.

### Daftar Keluaran Bijih Timah dan Cukai 1894

— : o : —

Bulan	Pikul	Cukai (\$)
Januari	91,823.82	\$ 9,368.26
Februari	89,554.96	\$ 9,010.09
Mac	76,153.49	\$ 7,842.37
April	37,965.39	\$ 3,956.74
Mei	43,114.28	\$ 4,338.71
Jun	47,975.17	\$ 4,873.65
Julai	69,370.69	\$ 8,518.14
Ogos	62,985.55	\$ 8,068.16
September	56,250.43	\$ 6,337.90
Oktober	85,192.76	\$ 9,033.68
November	63,969.47	\$ 7,005.22
Disember	70,847.36	\$ 7,780.65
 Jumlah	 795,213.37	 \$86,133.57

### 1895

Januari	69,419.29	\$ 7,842.15
Februari	40,658.30	\$ 4,959.68
Mac	69,419.28	\$ 4,544.49
April	35,560.32	\$ 3,148.26
Mei	38,044.69	\$ 4,643.71
Jun	51,679.40	\$ 6,775.25
Julai	44,766.49	\$ 5,384.92
Ogos	48,383.28	\$ 6,069.11

September	45,481.84	\$ 5,663.93
Oktober	31,439.37	\$ 3,894.76
November	53,333.73	\$ 6,702.43
Disember	48,220.76	\$ 6,211.12
 Jumlah	 576,406.75	 \$65,839.81

(Dikutip dari laporan bulanan dan tahunan 1894 — 1895)

Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan di atas, jelas kedua-dua syarikat merupakan syarikat yang berjaya dalam monopolinya. Kedua-duanya telah dapat menggunakan pengaruh ke atas pihak berkuasa. Pihak kerajaan pula adalah merupakan pentadbir yang lemah. Mereka memberi kelonggaran bagi peraturan cari-gali, yang merupakan satu kesilapan yang telah menyebabkan kemerosotan hasil bijih timah ini. Ditinjau pula dari segi pentadbiran pada ketika itu, Buthurst, Pegawai Daerah yang datang bertugas ke Jelebu pada 1897 membuat komen,

'Saya dapatti kakitangan pejabat hanya terdiri  
dari Pemangku Pembantu Pegawai Kewangan  
En. Donough, dan tiga orang kerani. Di  
Pejabat Ukur didapati tiada Juruukur,  
tiada 'demarcator' dan juga tiada pelan-pelan.  
Boleh dikatakan jabatan itu sudah  
tidak wujud selama beberapa bulan. Di  
Pejabat JKR saya dapatti tiada Mandur Kanan  
untuk memberi anggaran dan kerani yang  
menjadi wakil jabatan itu telah berhenti'.<sup>10</sup>

Kelemahan ini telah membolehkan syarikat-syarikat kaya ini menjalankan cari-gali seberapa banyak kawasan yang mereka suka, telah membolehkan mereka membuat peruntukan kawasan di seluruh Jelebu. Perbuatan ini telah mendatangkan beberapa akibat yang tidak sehat. Mereka dapat memilih kawasan yang penting sahaja di samping menjadikan beberapa kawasan yang kurang penting tinggal begitu sahaja. Kegiatan cari-gali yang mereka lakukan juga bertaburan di merata-rata kawasan ini sehingga tidak boleh dikawal. Perbuatan ini bukan sahaja merosakkan kawasan malah telah menghalang pelombong-pelombong lain, terutama pelombong-pelombong Cina untuk mendapatkan kawasan.<sup>11</sup> Sehingga 1898, Jelebu Mining and Trading Company boleh dikatakan satu syarikat yang telah berjaya melakukan monopoli ke atas kawasan perlombongan di daerah Jelebu.<sup>12</sup>

Walau bagaimanapun perkembangan bidang perlombongan ini telah dapat menyakinkan Kerajaan British, sekurang-kurangnya di peringkat awal tahun-tahun 1890an. Dengan keyakinan pihak pentadbir ini Jelebu dapat dimajukan dalam perkembangan di bidang yang lain, terutama dalam perkembangan infrasruktur yang telah berjalan dalam dekad 1890an itu.

---

10. Monthly Report of July 1897, Resdt. Office. Jel. 2072/97.

11. AR — on The State of Sg. Ujung and Jelebu. 1893.

12. *Ibid.*